

Soalan No :14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]

TARIKH : 11.3.2015

SOALAN :

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru-guru yang memohon pertukaran bagi mengikut pasangan dan sejauh mana tindakan yang telah diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penempatan dan pertukaran guru berdasarkan keperluan opsyen dan kekosongan perjawatan. Walau bagaimanapun bagi mengatasi masalah pasangan guru yang terpaksa tinggal berasingan, KPM berusaha memberi ruang kepada guru-guru yang tinggal berasingan untuk tinggal bersama. Jumlah guru-guru yang memohon pertukaran bagi mengikut pasangan bagi tahun 2015 adalah seramai 3,363 (sekolah menengah) dan 4,161 (sekolah rendah).